

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY**
[KOTA KINABALU]

TARIKH : **19 OKTOBER 2015**
(Isnin)

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

jumlah perbelanjaan ESSCOM mengikut jenis-jenis perbelanjaan sejak dilancarkan hingga kini. Adakah ESSCOM akan menggunakan pelantar minyak terbiar untuk tujuan pemantauan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI AZALINA BINTI OTHMAN SAID MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

- 1.1 ESSCOM telah ditubuhkan pada 1 April 2013 pasca insiden pencerobohan di Lahad Datu dan Semporna. Penubuhan ESSCOM pada ketika itu menggunakan peruntukan darurat yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM3.5 juta manakala peruntukan pembangunan berjumlah RM2.4 juta.

Pada tahun 2014, ESSCOM telah diluluskan sejumlah RM7.5 juta bagi tujuan peruntukan mengurus bagi tujuan mengurus perbelanjaan operasi ESSCOM manakala peruntukan pembangunan sebanyak RM7.5 juta. Untuk makluman Dewan yang mulia juga peruntukan sebanyak RM75 juta tahun lepas (2014), disalurkan sepenuhnya kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui peruntukan One-Off bagi tujuan penugasan ESSCOM.

Dalam pengumuman Bajet 2015, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah diperuntukkan RM660 juta manakala ESSCOM dikhaskan sebanyak RM17 juta bagi perbelanjaan mengurus dan RM 48.9 juta bagi perbelanjaan pembangunan. Secara keseluruhan jumlah peruntukan mengurus yang telah diberikan kepada ESSCOM bermula dari ditubuhkan adalah RM28.4 juta bagi peruntukan mengurus manakala RM82.5 juta peruntukan pembangunan sehingga kini.

1.2 Tuan Yang Dipertua, soalan mengenai pelantar minyak terbiar untuk tujuan pemantau. Sukacita dimaklumkan bahawa sebuah pelantar minyak lucut tauliah telah diubahsuai sebagai sebuah pangkalan laut (seabasing) dan telah beroperasi di perairan Beting Bodgaya, Telukan Lahad datu mulai 31 Julai 2015. Pangkalan laut ini dinamakan Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah (PL TSR). Sementara itu, sebuah kapal dagang yang diubahsuai telah dijadikan sebagai *a mobile seabasing* yang dinamakan sebagai Kapal Auxiliary Tun Azizan. Kapal ini dilabuhkan 5 batu nautika di selatan Pulau Taganak berhampiran sempadan Malaysia Filipina dan telah beroperasi mulai **1 Mei 2015**. Disamping itu, 2 buah kapal berukuran 27 meter turut diubahsuai sebagai *mothership* dengan peranan yang hampir sama dengan KL Tun Syarifah Rodziah dan KA Tun Azizan tetapi dengan kapasiti yang lebih kecil.

ESSCOM telah meneliti kesesuaian pelantar minyak yang dilucut tauliah sebagai *seabasing* dengan mengambil kira pelbagai factor dan implikasi termasuk kos ubahsuai, mobillisasi, operasi dan penyelenggaraan. Sehubungan itu, ESSCOM telah mengambil pendirian bahawa adalah lebih murah dan *cost effective* untuk membina pangkalan operasi hadapan (*Forward Operation Base*) kekal di pulau-pulau yang telah dikenalpasti di sepanjang pantai ESSZONE bagi tujuan respons cepat dan bantuan operasi di barisan hadapan, daripada menggunakan pelantar minyak lucut tauliah. Buat permulaan, pangkalan operasi hadapan Mabul dan pangkalan Operasi Banggi akan dibangunkan dalam RMK ke-11.